

Putaran pengusiran umat

■ Sultan Nazrin mahu kes pelarian Syria ditangani sebaik mungkin

Oleh Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my
Putrajaya

Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah mahu kes pelarian Syria ditangani dengan sebaik mungkin oleh umat Islam di seluruh dunia termasuk melakukannya lebih baik berbanding kes pelarian sebelum ini.

Baginda bertitah, sejak beberapa minggu lalu, dunia menyaksikan penghijrahan beramai-ramai pelarian Syria yang memilih negara di Eropah untuk mendapatkan perlindungan.

"Kita harus belajar daripada sejarah terutama ketika umat Islam di Eropah diusir ketika penaklukan Sepanyol sekitar kurun ke-15.

"Pada ketika itu, ramai pelarian Islam memilih untuk kekal dan menetap di Al-Qarawiyin University, Fez di Maghribi malah, sebahagian mereka turut menyambung pelajaran di sana. Hasilnya, bandar Fez menjadi tempat yang terkenal bagi penempatan pelarian," titah baginda ketika menyampaikan ucapan bertajuk 'Memulihkan Semula Sistem Pendidikan di Universiti Islam bagi Abad ke-21 pada Sidang Kemuncak Pe-



FOTO: MOHD FADLI HAMZAH

SULTAN Nazrin melancarkan buku terbitan USIM selepas berucap pada majlis Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Universiti Islam Dunia 2015 di Putrajaya, semalam.

mimpin-Pemimpin Universiti Islam Dunia (WICULS 2015), semalam.

Titahnya, baginda turut tersentuh dengan kata-kata seorang pelarian Syria baru-baru ini yang menyamakan tindakan terpuji Canselor Jerman Angela Merkel dengan Abyssinian Christian King Negus yang bertindak melindungi pelarian ketika hijrah pertama pada zaman Rasulullah SAW.

"Malah, beta juga tersentuh dengan kata-kata se-

orang pelarian Syria yang berkata, kami akan memaklumkan kepada anak-anak kami kelak bahawa penghijrahan kami dari Syria ke Eropah dilakukan ketika Makkah berada lebih dekat dengan kami", titah baginda.

Dalam pada itu, baginda berkata, institusi pendidikan tempatan perlu mencontohi pendekatan dilakukan empat institusi pendidikan tersohor Islam iaitu Universiti Al-Qarawiyin, Fez di

Maghribi, Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir; Kolej Nizamiyah, Wilayah Abbassid (sempadan Iran - Iraq) dan Baytul Hikmah, Baghdad, Iraq.

"Sudah tiba masanya, pemimpin universiti di dunia Islam menyemak semula bagi melihat sama ada universiti mereka menyediakan platform untuk mengejar ilmu pengetahuan atau bebas daripada kepentingan serta keuntungan jangka pendek. "Universiti harus menjadi

tempat di mana minda manusia boleh digunakan sepenuhnya untuk membentuk masyarakat dan membimbing masyarakat dengan cara meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan mereka," titah baginda.

Titah baginda, institusi pendidikan sepatutnya melahirkan individu yang mempunyai pengetahuan yang luas dan kecerdasan kritikal dan pada masa sama, mempunyai kesopanan moral dan kepekaan sosial.

Baginda bertitah, keempat-empat institusi tersohor itu diasaskan pihak dan masa yang berbeza namun, ia semuanya dibiayai oleh sistem wakaf dan dana yang betul.

Sidang kemuncak WICULS 2015 menghimpunkan lebih 200 pemimpin tertinggi daripada universiti negara-negara Islam seluruh dunia termasuk Bangladesh, Pakistan, Indonesia, Filipina, Sudan, Nigeria dan Jordan.

Mereka berkumpul buat kali pertama bagi membincangkan isu utama berkaitan sistem pendidikan tinggi dalam usaha untuk membangunkan naratif pendidikan baru bagi mendepani cabaran pengajian tinggi global.

FAKTA
Pelarian Syria pilih negara di Eropah untuk dapatkan perlindungan